

**Berhati-hati dengan LGBT dan gerakan kebebasan agama, kata Muhyiddin
Malaysian Insider
April 22, 2013
Oleh Zurairi AR**

KUALA LUMPUR, 22 April — Tan Sri Muhyiddin Yassin memberikan amaran kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam mengenai dua cabaran terbesar hari ini, iaitu dakwaan tersebarlynya gerakan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) dan tuntutan untuk kebebasan beragama di kalangan orang Melayu.

Menurut timbalan pengerusi Barisan Nasional (BN) itu, gerakan tersebut adalah sebahagian daripada usaha pihak asing untuk memecah belahkan perpaduan di kalangan orang Islam di negara ini, disokong oleh perancang yang merupakan orang Islam Malaysia sendiri.

“Kita tak boleh leka, cabaran kepada kedudukan Islam datang dalam pelbagai wajah,” kata Muhyiddin dalam satu perjumpaan bersama perjumpaan ramah mesra di antara pekerja agensi Islam di Masjid Usamah Bin Zaid di Wangsa Maju di sini.

“Ada juga pihak yang semakin lantang menuntut hak kebebasan agama tanpa batas, termasuk hak orang Islam untuk murtad,” katanya.

Tahun lalu Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar telah diserang oleh beberapa tokoh agama dan ahli politik Umno berikutan dengan kenyataannya dalam sebuah forum bertajuk “Negara Islam: Versi mana, tanggungjawab siapa?” di Subang Jaya pada 3 November.

Puak konservatif mengatakan kenyataan beliau itu bermaksud menyokong orang Islam keluar agama ataupun murtad.

Muhyiddin juga memberikan amaran penyebar LGBT “meracuni” pemikiran orang Islam untuk menerima “amalan songsang” itu di atas nama hak asasi manusia.

Gabungan pemerintah dan pembangkang telah bertelagah mengenai isu LGBT dan kebebasan agama, yang dianggap sensitif dalam negara majoriti Muslim, Malaysia.

Pada November, Muhyiddin mendedahkan penyandang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah membantah percubaan untuk memasukkan hak LGBT apabila menandatangani piagam hak asasi manusia ASEAN bau-baru ini, mengatakan Malaysia tidak akan menerima prinsip yang bertentangan dengan fitrah manusia.

Muhyiddin juga turut menyelar Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memberi amaran kepadanya agar tidak menghalalkan “amalan songsang” hanya kerana ianya diterima oleh negara barat sambil mengatakan ianya merupakan “hobi” ketua pembangkang itu.

Muhyiddin juga meminta orang Islam diseluruh negara untuk menolak sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh ahli politik disamping memuji peranan kerajaan mempertahankan Islam.

“Fatwa yang dikeluarkan oleh orang politik tak boleh pakai. Jangan pakai, salah, songsang, akidah kita jauh terpesong,” katanya.

Muhyiddin mengkritik parti Islam PAS pada 2011 kerana mengeluarkan fatwa baru yang sesat mengatakan ianya bertujuan untuk mengelirukan akidah orang Melayu.

"Kalau dikatakan siapa yang telah memperjuangkan Islam dan menegakkan institusi penting dalam negara kita, tak lain dari kita: kerajaan yang kita pilih, didokong oleh rakyat yang ada, yang cintakan Islam," katanya.

Semasa perhimpunan tersebut, Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) memberikan RM377,500 elaun tambahan kepada pekerja mereka termasuk guru agama, imam, pendakwah dan ahli jawatankuasa masjid.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/berhati-hati-dengan-lgbt-dan-gerakan-kebebasan-agama-kata-muhyiddin/>